

PEMATUHAN CUKAI MELALUI KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN PERKHIDMATAN



Cukai merupakan kewajipan bagi setiap rakyat yang layak berdasarkan undang-undang berkaitan demi membantu kerajaan menampung kos perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara. Cukai turut digunakan untuk membiayai perbelanjaan negara dalam menyediakan perkhidmatan awam seperti pembinaan infrastruktur termasuk elektrik, jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan selain membiayai penyediaan perkhidmatan kesihatan awam, pendidikan, pertahanan, dan sistem perlindungan sosial.

Kutipan cukai bergantung kepada tahap pematuhan seseorang individu. Sekiranya individu tersebut patuh pada peraturan cukai dan undang-undang yang telah ditetapkan, maka sudah tentu kutipan cukai juga akan meningkat dan mampu mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Oleh itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa berusaha meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan atau AES (Awareness, Education, Services).

Kesedaran melalui Pendidikan Awal Cukai

Bagi mengubah norma sosial dan budaya cukai yang lebih positif dalam kalangan masyarakat, tumpuan utama LHDNM adalah kepada generasi muda kerana golongan ini mempunyai keterlibatan yang meluas dalam zaman transformasi digital. Mereka kini lebih berminat untuk menjana pendapatan melalui perniagaan sama ada menjual produk sendiri atau bertindak sebagai pengedar secara dalam talian termasuk dengan menjadi pempengaruh dalam media sosial seperti Instagram, YouTube dan TikTok.

Oleh itu, Jabatan Khidmat Korporat menerusi Bahagian Pendidikan Cukai telah melaksanakan beberapa program pendidikan dan kesedaran cukai khusus untuk generasi muda iaitu pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta. Pembelajaran cukai yang dilaksanakan pada peringkat awal pendidikan mampu memberikan kesan positif dalam melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan seterusnya meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela apabila kesedaran cukai diterapkan sejak dari peringkat sekolah.

Antara program khas yang menggunakan konsep AES ialah HASiL Your Tax Buddy (HYTB) yang menyasarkan pelajar daripada IPT awam dan swasta. HYTB mampu membantu bakal pembayar cukai untuk memahami perundangan percukaian, selain meningkatkan kadar pematuhan cukai pada masa akan datang dan seterusnya menjadikan masyarakat Malaysia lebih celik cukai.

EduZone – Gerbang Pendidikan Percukaian

LHDNM turut menyediakan Gerbang Pendidikan Percukaian melalui platform EduZone di www.hasil.gov.my yang memuatkan pelbagai risalah dan artikel berkaitan percukaian. Malah platform tersebut turut dilengkapi dengan pelbagai video pendek dan video program temu bual yang berbentuk penerangan dan boleh dimanfaatkan oleh pembayar cukai. Selain itu, segala maklumat yang diperlukan turut terdapat di Portal Rasmi LHDNM, termasuklah senarai lengkap pelbagai pelepasan cukai yang boleh dijadikan rujukan untuk pembayar cukai merancang perbelanjaan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai pendapatan.

Kecekapan Perkhidmatan Percukaian

LHDNM bertanggungjawab untuk memastikan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjamin kelancaran setiap program pembangunan negara. Hal tersebut yang menjadikan LHDNM sentiasa konsisten dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Oleh itu, setiap dasar dan strategi yang dirangka adalah berdasarkan keutamaan semua pembayar cukai.

Antara strategi untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan sekali gus memudahkan urusan pembayar cukai untuk menjalankan tanggungjawab mereka adalah dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan yang boleh dicapai secara dalam talian seperti perkhidmatan MyTax ([https://mytax.](https://mytax.hasil.gov.my/)

[hasil.gov.my/](https://mytax.hasil.gov.my/)). Menerusi MyTax yang merupakan pusat gerbang maklumat, pembayar cukai boleh mengakses maklumat seperti transaksi lejar, status bayaran balik, Potongan Cukai Bulanan (PCB), Jadual Ansuran CP500 dan status Surat Penyelesaian Cukai (SPC) selain menawarkan perkhidmatan seperti e-Filing, ByrHasil, e-Daftar dan lain-lain.

Maklum Balas Pelanggan

Memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan merupakan antara ikrar daripada setiap pegawai LHDNM. Oleh itu, LHDNM sentiasa terbuka untuk menerima sebarang aduan melibatkan perkhidmatan yang ditawarkan sekiranya perkhidmatan tersebut dirasakan tidak adil, lewat diambil tindakan dan tidak mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Maklum balas, cadangan dan aduan tersebut boleh dilaporkan terus kepada LHDNM melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di www.hasil.gov.my.

Penggunaan Borang Maklum Balas Pelanggan yang sistematik ini akan membantu LHDNM dalam mengambil tindakan segera terhadap sebarang isu yang dihadapi oleh pelanggan dan pada masa yang sama menjamin data sulit pembayar cukai tidak terdedah dan disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Manfaat daripada setiap pengenaan cukai tersebut merupakan aset kita bersama yang merupakan pelaksanaan tanggungjawab antara kerajaan dengan rakyat. Tanggungjawab rakyat adalah untuk memberikan sumbangan cukai kepada kerajaan untuk memastikan perbelanjaan pembangunan dan mengurus negara ini mencukupi. Oleh disebabkan itu, LHDNM menggunakan slogan "Andalah Wira Negara" sejak sekian lama sebagai usaha untuk menterjemahkan penghargaan kepada rakyat Malaysia melalui peranan mereka sebagai pembayar cukai. Rakyat yang layak membayar cukai perlu melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai kerana aset itulah yang bertujuan untuk melestarikan pembangunan dan kemajuan negara dalam tempoh jangka masa panjang.

Cukai merupakan sumbangan daripada rakyat kepada rakyat, maka mereka yang layak dikenali cukai haruslah memainkan peranan agar setiap daripada kita menyumbang kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat seluruhnya. Tunaikan tanggungjawab anda untuk lapor dan bayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Ke Mana WANG CUKAI Dibelanjakan?



Terima kasih kepada anda yang melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai demi kelangsungan negara dan generasi masa hadapan. Andalah WIRA Negara!

KUIZ

TEMA – KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN PERKHIDMATAN

1.

E	I	A	H	K	T	S	N	A

W	M	A	A

Cukai adalah pendapatan negara yang digunakan untuk membiayai perbelanjaan negara dalam menyediakan perkhidmatan awam seperti pembinaan infrastruktur, penyediaan _____, pendidikan, keselamatan dan banyak lagi.

2.

A	U	C	K	I

A	N	G	G	U	N	S	L

Sumber pendapatan negara untuk menampung Belanjawan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil kutipan _____, cukai tidak langsung, hasil bukan cukai serta hasil daripada pinjaman dan penggunaan aset kerajaan.

3.

K	A	T	A

K	U	A	C	I

E	A	A	N	T	P	D	A	P	E

LHDNM bertanggungjawab bagi pentadbiran cukai langsung di bawah _____, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

4.

A	A	E	U	N	H	T	M	P

A	I	U	L	C

LHDNM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kefahaman dan _____ dalam kalangan rakyat Malaysia melalui kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan atau AES (Awareness, Education, Services).

5.

A	I	S	H	L

R	O	Y	U

A	X	T

D	D	Y	B	U

Antara program kesedaran dan pendidikan cukai yang menggunakan konsep AES ialah _____ yang menyasarkan generasi muda bakal pembayar cukai iaitu pelajar daripada IPT awam dan swasta.

6.

A	O	R	L	F	M	T	P

D	Z	N	U	O	E	E

LHDNM menyediakan Gerbang Pendidikan Percukaian melalui _____ di Portal Rasmi LHDNM yang memuatkan pelbagai video pendek, video temu bual, risalah dan artikel berkaitan percukaian dalam usaha untuk menyebarkan maklumat percukaian.

7.

A	A	I	I	S	K	L	P

T	Y	M	X	A

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memudahkan urusan pembayar cukai, LHDNM telah menyediakan platform perkhidmatan yang boleh dicapai secara dalam talian menerusi _____.

8.

O	O	T	A	G	N	N	P

K	U	C	A	I

E	A	A	U	L	D	J	R	B

MyTax adalah pusat gerbang maklumat iaitu pembayar cukai boleh mengakses maklumat seperti transaksi lejar, status bayaran balik, _____, jadual ansuran CP500 dan status surat penyelesaian cukai selain daripada perkhidmatan seperti e-Filing, ByrHasil, e-Daftar dan lain-lain.

9.

A	A	A	L	H	D	N

A	I	R	W		E	A	R	A	G	N

Slogan _____ digunakan bagi menterjemahkan penghargaan kepada rakyat Malaysia melalui peranan mereka sebagai pembayar cukai.

10.

G	O	A	R	N	B	

A	U	K	L	M	M	

A	A	L	S	B	

E	A	A	N	G	G	N	L	P

_____ adalah aplikasi yang digunakan LHDNM bagi mengambil tindakan segera terhadap sebarang isu yang dihadapi oleh pelanggan selain menjamin data sulit pembayar cukai tidak terdedah dan disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PERATURAN

- Semua pembaca Dewan Siswa yang berumur 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyerat tidak dilayan.
- Tekaian hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Mac 2023**. Jawapan yang diterima awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :
 Alamat rumah : No. Telefon :
 Nama dan No. Akaun Bank :
 (Akaun bank mesti atas milik peserta)
 Nama Sekolah/Institut :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor Dewan Siswa, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur **atau** e-melkan kepada **sitiirni@dbp.gov.my** atau **syafiqahkhalid@dbp.gov.my**

